



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN



**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
2018**

Cetakan Pertama 2018

@ Hakcipta
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan
dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman
dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Penerbit.

ISBN 978-967-5456-58-9

Diterbitkan di Malaysia oleh
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tel : 03 – 2081 6000 Faks: 03 – 2094 1170

Pemberitahuan

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan **PLAN**Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)pada 18 November 2016.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang telah digubal oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan perancangan yang terkandung di dalam garis panduan ini perlu diselaras dengan rancangan pemajuan yang sedang berkuatkuasa di sesebuah kawasan pihak berkuasa perancangan tempatan. Ia juga perlu merujuk kepada dasar-dasar, pekeliling-pekeliling arahan dan piawaian-piawaian yang digubal dan dikuatkuasakan oleh pihak-pihak berkuasa berpandukan kepada skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang, serta garis panduan-garis panduan perancangan lain yang digubal oleh **PLAN**Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).

ISI KANDUNGAN

1.0 TUJUAN	1
2.0 LATAR BELAKANG	1
2.1 Kualiti Visual dan Nilai Estetik	1
2.2 Keselamatan Awam	2
2.3 Keselesaan Awam	2
2.4 Imej Kawasan Warisan dan Nilai Seni Bina Bangunan	2
3.0 DEFINISI	2
4.0 SKOP GARIS PANDUAN	3
5.0 PRINSIP PERANCANGAN	3
6.0 GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN	5
6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)	5
6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)	14
6.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan	22
LAMPIRAN	26
RUJUKAN	28



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN

SENARAI FOTO

Foto 1	Contoh reka bentuk papan tanda yang harmoni antara papan tanda melintang dengan papan tanda tegak dua muka.	5
Foto 2	Contoh papan tanda yang menggunakan kain rentang adalah tidak dibenarkan.	5
Foto 3	Contoh peletakan yang sesuai untuk papan tanda.	6
Foto 4	Contoh papan tanda yang dipasang melebihi daripada aras bumbung adalah tidak dibenarkan.	6
Foto 5	Perletakan papan tanda mengunjur perlu berjarak minimum 8.5 kaki (2.6 m) dari paras jalan.	7
Foto 6	Contoh pemasangan papan tanda yang menghalang laluan pejalan kaki adalah tidak dibenarkan.	7
Foto 7	Contoh kandungan visual papan tanda yang jelas.	8
Foto 8	Kesalahan ejaan di papan tanda adalah tidak dibenarkan.	9
Foto 9	Contoh penggunaan bahasa di papan tanda tidak boleh dicampur aduk.	9
Foto 10	Contoh penggunaan bahasa yang sesuai pada papan tanda.	9
Foto 11	Antara bahan binaan yang sesuai digunakan untuk papan tanda adalah zink, plastik dan aluminium.	10
Foto 12	Pencahayaan papan tanda di waktu malam yang tidak mendatangkan silau dan kacau ganggu kepada orang awam.	10
Foto 13	Logo boleh digunakan di papan tanda untuk memberi informasi mengenai jenis perkhidmatan yang disediakan di premis tersebut.	11
Foto 14	Papan iklan yang dipasang sehingga menutupi fasad bangunan dan melebihi aras bumbung adalah tidak dibenarkan.	12
Foto 15	Penggunaan kain rentang sebagai iklan untuk mempromosikan barang jualan dibenarkan tetapi tidak secara kekal.	12



SENARAI FOTO

Foto 16	Papan tanda yang menutupi fasad bangunan adalah tidak dibenarkan.	12
Foto 17	Papan tanda yang memaparkan imej yang tidak sopan adalah tidak dibenarkan.	13
Foto 18	Pemasangan papan tanda pada dua lot premis perniagaan perlu mendapatkan perlindungan insurans dan disahkan oleh profesional.	13
Foto 19	Contoh papan tanda yang digunakan pada bangunan sesebuah premis perniagaan.	14
Foto 20	Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan sebagai papan tanda secara kekal untuk sesebuah premis perniagaan.	14
Foto 21	Contoh papan tanda mengunjur yang dipasang pada bangunan perniagaan sesebuah.	15
Foto 22	Contoh kandungan bahasa, bahan binaan dan pencahayaan yang sesuai di papan tanda premis perniagaan berbentuk sesebuah tidak bernilai warisan.	16
Foto 23	Iklan yang dipasang pada permukaan bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka.	18
Foto 24	Iklan yang dipaparkan bersesuaian dengan jenis perniagaan yang dijalankan.	18
Foto 25	Paparan visual pada papan iklan yang jelas dan tidak mengganggu perhatian pemandu.	18
Foto 26	Papan iklan yang dipasang pada atas bumbung hanya dibenarkan pada bangunan yang telah mempunyai struktur khas bagi tujuan menampung papan iklan.	20
Foto 27	Papan iklan jenis menutupi bangunan hendaklah memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semulajadi.	20
Foto 28	Kandungan iklan yang jelas dan tidak mengganggu perhatian pemandu kenderaan.	20
Foto 29	Papan iklan kain rentang yang dibenarkan secara sementara di bangunan premis perniagaan sesebuah.	20

SENARAI FOTO

Foto 30	Papan tanda yang besar dan panjang perlu mendapat pengesahan oleh profesional.	21
Foto 31	Contoh penggunaan papan tanda yang seragam mengikut kelompok atau zon tapak warisan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.	22
Foto 32	Papan tanda nama syarikat dalam bentuk ukiran pada dinding.	23
Foto 33	Pemasangan papan tanda yang tidak menutup fasad bangunan.	23
Foto 34	Kandungan visual papan tanda yang jelas dan tidak mengelirukan bagi menerangkan jenis perniagaan yang dijalankan.	24
Foto 35	Jenis perniagaan yang dipaparkan jelas dan mudah difahami oleh orang awam.	24
Foto 36	Contoh perletakan papan tanda di premis perniagaan bernilai warisan.	25

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Contoh papan tanda melintang bagi kedai berkelebaran 20'(6m).	5
Rajah 2	Contoh papan tanda menegak dua muka.	5
Rajah 3	Contoh kandungan dan visual paparan papan tanda.	8

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan ini disediakan bagi memandu pemasangan dan kawalan papan tanda premis perniagaan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia untuk tujuan meningkatkan kualiti visual dan estetik persekitaran bandar supaya kemas, selamat dan beridentiti.

Fungsi garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i. Digunakan oleh PBT dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan di dalam merancang dan memproses permohonan bagi pemasangan papan tanda premis perniagaan di kawasan masing-masing.
- ii. Memberi panduan kepada pengusaha premis dalam pemasangan papan tanda premis perniagaan.

2.0 LATAR BELAKANG

Papan tanda yang dipasang di premis-premis perniagaan merupakan satu pengenalan yang menjelaskan tentang aktiviti atau perniagaan yang dijalankan di dalam satu-satu premis perniagaan tersebut. Seperti mana yang kita lihat di kebanyakan pusat bandar terutamanya di kawasan perniagaan, papan tanda menjadi satu tarikan di dalam mempromosikan dan memberitahu pelanggan berkenaan perniagaan mereka.

Walau bagaimanapun, didapati bahawa penyediaan, pemasangan dan reka bentuk papan tanda sering menimbulkan isu-isu perancangan dalam aspek-aspek berikut:

2.1 Kualiti Visual dan Nilai Estetik

- i. Saiz papan tanda yang pelbagai dan tidak mengikut ruang peletakan yang disediakan akan menjelaskan nilai estetik keseluruhan blok premis dan juga kawasan sekeliling.
- ii. Kandungan paparan papan tanda yang tidak seragam seperti (penggunaan bahasa utama, perihal perniagaan yang dibenarkan seperti maklumat produk atau perkhidmatan, slogan, alamat dan sebagainya) akan menjelaskan kualiti visual papan tanda.
- iii. Papan tanda yang dipasang melebihi aras bumbung bangunan terutamanya jenis papan tanda dua muka yang mengunjur keluar, akan menjelaskan kualiti garisan langit (skyline).

- iv. Premis yang tidak menyediakan ruang untuk perletakan papan tanda akan mengakibatkan papan tanda yang dipasang menghalang atau menutup fasad atau tingkap berkaca.
- v. Papan tanda yang tidak menunjukkan aktiviti atau perkhidmatan sebenar yang dijalankan boleh mengelirukan orang awam (misleading).

2.2 Keselamatan Awam

- i. Papan tanda yang menutup cermin tingkap premis boleh menghalang laluan keselamatan kebakaran (fire escape) atau menutup saluran keluar asap jika berlaku kebakaran.
- ii. Pemasangan dan perletakan papan tanda yang tidak sesuai seperti pemasangan yang terlalu rendah, saiz papan tanda yang terlalu besar boleh menggugat keselamatan orang awam.

2.3 Keselesaan Awam

Papan tanda berbahaya jenis LED dengan pantulan cahaya yang tidak sesuai boleh mengakibatkan kesan silau yang boleh mengganggu pandangan pemandu kenderaan dan pengguna jalan. Ia juga boleh menimbulkan kacau ganggu kepada orang ramai terutamanya kepada penduduk yang tinggal berhampiran.

2.4 Imej Kawasan Warisan dan Nilai Seni Bina Bangunan

- i. Papan tanda premis perniagaan di kawasan tapak warisan yang tidak selaras dengan karakter premis akan menjelaskan nilai kualiti visual dan penghayatan sejarah di tapak warisan tersebut.
- ii. Papan tanda yang tidak dikawal reka bentuk dan perletakannya akan menghalang fasad premis bangunan sejarah yang mempunyai reka bentuk seni bina yang unik.

3.0 DEFINISI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, papan tanda ditafsirkan sebagai papan nama sesuatu tempat termasuklah kawasan, syarikat dan sebagainya. Premis ditafsirkan sebagai bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan dan sebagainya. Manakala, perniagaan bermaksud perihal berniaga dan perdagangan.

Sehubungan itu, garis panduan ini mendefinisikan papan tanda premis perniagaan sebagai **suatu papan tanda pemberitahuan mengenai aktiviti perniagaan yang dijalankan, nama syarikat berdaftar, logo perniagaan bagi premis perniagaan tersebut.**

4.0 SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini memberi panduan kepada perancangan dan rekabentuk papan tanda kekal di premis perniagaan berbentuk teres/berkelompok dan sesebuah yang berada di kawasan pembangunan perniagaan dalam dan luar kawasan warisan. Skop garis panduan adalah termasuk:

- i. Jenis dan Saiz Papan Tanda
- ii. Lokasi Pemasangan
- iii. Kandungan dan Visual Paparan
- iv. Bahasa
- v. Bahan Binaan
- vi. Pencahayaan
- vii. Iklan Selain Paparan Jenama
- viii. Larangan Visual
- ix. Perlindungan Insurans

5.0 PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan, reka bentuk dan perletakan papan tanda premis perniagaan adalah berdasarkan kepada empat (4) prinsip berikut:

i. Jelas dan ringkas

- a. Penggunaan ayat dan bahasa perlu tersusun dan tepat dari segi ejaan dan tatabahasa.
- b. Visual dan kandungan yang dipaparkan pada papan tanda perlu jelas dan tidak mengelirukan orang awam.
- c. Paparan yang dilarang adalah seperti gambar yang menjolok mata, perkataan dan ayat yang berbaur sentimen perkauman dan lucuh.

ii. Selamat

- a. Pemasangan papan tanda premis perniagaan perlu mendapat pengesahan daripada profesional bagi memastikan struktur pemasangan papan tanda teguh dan tidak membahayakan pekerja dan orang awam.

- b. Pemasangan papan tanda tidak menutup atau menghalang mana-mana tingkap atau ruang keluar asap yang ada di luar tembok bangunan.

iii. Kemas

- a. Saiz dan reka bentuk papan tanda perlu bersesuaian dengan fungsi dan karektor premis.
- b. Papan tanda yang dipasang tidak dibenarkan untuk menutup atau menghalang papan tanda lain sedia ada yang berdekatan.


iv. Penghayatan Nilai Warisan

Perletakan papan tanda tidak dibenarkan menutup fasad bangunan di kawasan warisan. Ini adalah bagi menonjolkan karakter seni bina serta memelihara nilai sejarah dan estetik kawasan warisan.

6.0 GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Jenis dan saiz papan tanda	<ul style="list-style-type: none"> i. Saiz papan tanda jenis melintang yang dibenarkan perlu mengikut saiz kelebaran unit premis dengan ketinggian maksimum 4kaki (1.22m). ii. Saiz papan tanda jenis mengunjur perlu mengikut kesesuaian rekabentuk bangunan dan perlu harmoni dengan papan tanda melintang. iii. Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan tanda premis perniagaan secara kekal.



Rajah 1: Contoh Papan tanda melintang bagi kedai berkelebaran 20'(6m)



Foto 1:
Contoh reka bentuk papan tanda yang harmoni antara papan tanda melintang dengan papan tanda tegak dua muka.

Rajah 2: Contoh Papan tanda mengunjur.



Foto 2:
Papan tanda yang menggunakan kain rentang adalah tidak dibenarkan.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi pemasangan	<p>a. Papan Tanda Melintang</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya dibenarkan dipasang di "beam" bangunan premis perniagaan yang dikhaskan untuk perletakan papan tanda. ii. Perletakan papan tanda perlu menyediakan ruang 0.5 kaki pada kiri dan kanan premis. iii. Tidak menutup cermin, tingkap dan fasad bangunan. iv. Papan tanda yang dipasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis.




Foto 3:
Contoh peletakan yang sesuai untuk papan tanda.



Foto 4:
Contoh papan tanda yang dipasang melebihi daripada aras bumbung adalah tidak dibenarkan.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi pemasangan	<p>b. Papan Tanda Mengunjur</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Papan tanda mengunjur hanya dibenarkan dipasang di aras 2 dan ke atas bangunan premis perniagaan. ii. Perletakannya perlu berjarak minimum 2.6 meter dari paras jalan. iii. Penyediaan papan tanda mengunjur hendaklah tidak melindungi pandangan atau menghalang laluan.



Foto 5 :
Perletakan papan tanda mengunjur perlu berjarak minimum 8.5 kaki (2.6 m) dari paras jalan.



Foto 6:
Contoh pemasangan papan tanda yang menghalang laluan pejalan kaki adalah tidak dibenarkan.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	<ul style="list-style-type: none"> i. Tulisan atau grafik perlu seimbang dan bersesuaian dan tidak melebihi 2/3 daripada ketinggian papan tanda. ii. Papan tanda perlu mengandungi nama syarikat atau firma perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). iii. Sekiranya menggunakan jenama sebagai keutamaan di papan tanda, nama syarikat perlu diletakkan di bawah jenama. iv. Aktiviti perniagaan hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Malaysia dan dinyatakan dengan jelas dan mudah dibaca di bahagian atas sebelah kiri papan tanda. v. Saiz tulisan jenama keutamaan hendaklah lebih dominan daripada saiz tulisan aktiviti perniagaan. vi. Kelulusan permit daripada PBT hendaklah dipaparkan di sebelah bawah kanan papan tanda.



Rajah 3:
Contoh kandungan dan visual paparan papan tanda.



Foto 7:
Contoh kandungan visual papan tanda yang jelas.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
4.	Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> i. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam semua jenama keutamaan di papan tanda sama ada secara sendiri atau bersama bahasa-bahasa lain kecuali bagi jenama khas perniagaan. (Contohnya TOSHIBA, SAMSUNG) ii. Bagi penggunaan bahasa lain, ketinggian tulisan adalah tidak melebihi $\frac{3}{4}$ daripada ketinggian tulisan Bahasa Malaysia. iii. Bahasa Malaysia dan bahasa lain hendaklah tepat dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan dan tatabahasa. iv. Hendaklah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu.



Foto 8:
Kesalahan ejaan di papan tanda adalah tidak dibenarkan.



Foto 9:
Contoh penggunaan bahasa di papan tanda tidak boleh dicampur aduk.



Foto 10: (i)

Foto 10 (i) & (ii):
Contoh penggunaan bahasa pada papan tanda.



Foto 10: (ii)

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
5.	Bahan binaan	Bahan binaan papan tanda hendaklah dari jenis yang tidak boleh memantulkan cahaya dan tidak mengganggu tumpuan penggunaan jalan dan orang awam pada waktu siang dan malam.



Foto 11: (i)



Foto 11: (ii)

Foto 11 (i) & (ii):

Antara bahan binaan yang digunakan untuk papan tanda adalah zink, plastik dan aluminium.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
6.	Pencahayaan	Pencahayaan di waktu malam perlu dikawal agar tidak mendatangkan kacau ganggu atau silau kepada pengguna jalan dan orang awam.



Foto 12: (i)



Foto 12: (ii)

Foto 12 (i) & (ii):

Pencahayaan papan tanda di waktu malam yang tidak mendatangkan silau dan kacau ganggu kepada orang awam.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
7.	Iklan	<p>a. Iklan di atas Papan Tanda</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penggunaan <i>trade mark</i>, logo, <i>tag-line</i>, slogan yang sesuai adalah dibenarkan dan tidak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. ii. Saiz tulisan perlulah lebih kecil iaitu dengan ketinggian maksimum 3/4 daripada tulisan paparan jenama.



Foto 13: (i)



Foto 13: (ii)

Foto 13 (i) & (ii) :

Logo boleh digunakan di papan tanda untuk memberi informasi mengenai jenis perkhidmatan yang disediakan di premis tersebut.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
7.	Iklan	<p>b. Papan Iklan Luar</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Iklan dinding dan iklan yang melebihi aras bumbung adalah tidak dibenarkan. ii. Iklan kain rentang (poster) yang bersifat sementara adalah dibenarkan menutup bukaan kepada bangunan sekiranya kemasukan cahaya dan pengudaraan semulajadi sekurang-kurangnya 30% daripada bukaan asal.



Foto 14 :
Papan iklan yang dipasang sehingga menutupi fasad bangunan dan melebihi aras bumbung adalah tidak dibenarkan.



Foto 15:
Penggunaan kain rentang sebagai iklan untuk mempromosikan barang/jualan dibenarkan tetapi tidak secara kekal.



Foto 16 :
Papan tanda
yang
menutupi
fasad
bangunan
adalah tidak
dibenarkan.

6.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
8.	Larangan visual	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak dibenarkan memaparkan maklumat dan iklan minuman keras, rokok, gambar yang menjolok mata, serta tata kelakuan kurang sopan atau lucuah. ii. Tidak dibenarkan sebarang <i>trade mark</i>, logo, <i>tag-line</i> slogan yang kurang sopan dan mempunyai tujuan negatif.



Foto 17 :
Papan tanda yang memaparkan imej yang tidak sopan adalah tidak dibenarkan.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
9.	Perlindungan insurans	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan tanda kekal bersaiz panjang dan besar (ditentukan oleh PBT) perlu memiliki Insurans Perlindungan Awam (Public Liability). ii. Kekukuh struktur papan tanda hendaklah disahkan oleh profesional.



Foto 18: (i)



Foto 18: (ii)

Foto 18 (i) & (ii) :
Pemasangan papan tanda pada dua lot premis perniagaan perlu mendapatkan perlindungan insurans dan disahkan oleh profesional.

6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Jenis dan saiz papan tanda	<ul style="list-style-type: none"> i. Saiz papan tanda jenis melintang dan mengunjur yang disediakan perlu mengikut kesesuaian rekabentuk bangunan. ii. Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan tanda premis perniagaan secara kekal.



Foto 19 :
Contoh papan tanda yang digunakan pada bangunan sesebuah premis perniagaan.



Foto 20 :
Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan sebagai papan tanda secara kekal untuk sesebuah premis perniagaan.

6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi pemasangan	<p>a. Papan Tanda Melintang</p> <ul style="list-style-type: none">i. Perletakan papan tanda hendaklah tidak menutup cermin, tingkap dan fasad bangunan.ii. Papan tanda yang di pasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis.




Foto 21:

Contoh papan tanda melintang yang dipasang pada bangunan perniagaan sesebuah.

6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres (tidak bernilai warisan).
4.	Bahasa	
5.	Bahan binaan	
6.	Pencahayaan	




Foto 22: (i)



Foto 22: (ii)



Foto 22: (iii)



Foto 22: (iv)



Foto 22: (v)

Foto 22 (i) hingga ke (v):

Contoh kandungan bahasa, bahan binaan dan pencahayaan yang sesuai di papan tanda premis perniagaan berbentuk sesebuah tidak bernilai warisan.

6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesbuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
7.	Iklan	<p>a. Iklan di atas Papan Tanda</p> <p>Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres (tidak bernilai warisan)</p> <p>b. Papan Iklan Luar</p> <p>Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan bandar dan pencahayaan pada waktu malam.</p> <p>i. Iklan Dinding</p> <ul style="list-style-type: none"> • Iklan dinding hanya dibenarkan pada dinding premis perniagaan yang tidak mempunyai permukaan terbuka seperti tingkap, pintu, balkoni, lubang pengudaraan semulajadi atau mekanikal. • Keluasan maksimum iklan yang dibenarkan adalah 90% daripada keluasan dinding dan tidak dibenarkan terkeluar atau terlebih daripada perimeter dinding bangunan. • Hanya satu pengiklanan dibenarkan. • Perletakan iklan yang seimbang pada dinding bangunan. • Iklan hendaklah dipasang pada struktur kerangka yang diunjurkan keluar tidak melebihi 1.5 meter (5kaki) dari dinding dan perlu mendapat pengesahan daripada jurutera profesional. • Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik dan tidak mengganggu penumpuan pemandu kenderaan. Kandungan grafik seboleh-bolehnya 85% dan teks 15%. • Tidak dibenarkan di kawasan <i>traffic hazard</i> terutamanya selekoh berbahaya.




Foto 23 :
Iklan yang dipasang pada permukaan bangunan
yang tidak mempunyai permukaan terbuka.



Foto 24 :
Iklan yang dipaparkan bersesuaian dengan jenis
perniagaan yang dijalankan.




Foto 25 :
Paparan visual pada papan iklan yang jelas dan tidak
mengganggu perhatian pemandu.

6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
7.	Iklan	<p>ii. Iklan Bumbung</p> <p>Iklan bumbung hanya dibenarkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pada bangunan sesebuah yang telah mempunyai struktur khas yang telah dibina bagi tujuan menampung paparan iklan (<i>in-built structure</i>). - Papan iklan yang direkabentuk secara menarik dan boleh kompromi dengan <i>rooftscape</i> di kawasan persekitaran. - Iklan bumbung yang disokong dengan kerangka terbuka adalah tidak dibenarkan. <p>iii. <i>Building Wrap</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Iklan pada fasad bangunan hendaklah mematuhi keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984: <ul style="list-style-type: none"> • Bahan yang digunakan perlu memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semulajadi; dan • Tidak menghadkan buaan pada bangunan bagi laluan semasa kecemasan dan tidak menghadkan pandangan luar. - Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik dan tidak mengganggu penumpuan pemandu kenderaan. Kandungan grafik seboleh-bolehnya 85% dan teks 15%. - Tidak dibenarkan di kawasan <i>traffic hazard</i> terutamanya selekoh berbahaya. <p>iv. Iklan Kain Rentang</p> <p>Iklan kain rentang (poster) yang bersifat sementara adalah dibenarkan menutup buaan kepada bangunan sekiranya kemasukan cahaya dan pengudaraan semulajadi sekurang-kurangnya 30% daripada buaan asal.</p>



Foto 26 :

Papan iklan yang dipasang pada atas bumbung hanya dibenarkan pada bangunan yang telah mempunyai struktur khas bagi tujuan menampung papan iklan.



Foto 27 :

Papan iklan jenis menutupi bangunan hendaklah memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semulajadi.



Foto 28 :

Kandungan iklan yang jelas dan tidak mengganggu perhatian pemandu kenderaan.



Foto 29 :

Papan iklan kain rentang yang dibenarkan secara sementara di bangunan premis perniagaan sesebuah.

6.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
8.	Larangan visual	Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres (tidak bernilai warisan)
9.	Perlindungan insurans	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan tanda kekal bersaiz panjang dan besar (ditentukan oleh PBT) perlu memiliki Insurans Perlindungan Awam (Public Liability). ii. Kekuahan struktur papan tanda hendaklah disahkan oleh profesional.



Foto 30: (i)



Foto 30: (ii)

Foto 30 (i) & (ii) :
Papan tanda yang besar dan panjang perlu mendapat pengesahan oleh profesional.

6.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Rekabentuk papan tanda / tanda nama	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan tanda/tanda nama jenis ukiran adalah sangat digalakkan. ii. Papan tanda hendaklah mempunyai karekter yang selaras dengan ciri-ciri keseluruhan kawasan. iii. Pemilik bangunan tidak dibenarkan menanggalkan elemen tahun atau tarikh asal yang diukir pada bangunan warisan tersebut. iv. Pemasangan papan tanda yang seragam dari segi saiz mengikut lokasi dan kelompok bangunan boleh ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. v. Bagi premis yang telah diistiharkan sebagai tapak warisan, rekabentuk papan tanda/tanda nama hendaklah merujuk kepada Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat PBT.



Foto 31: (i)



Foto 31: (ii)

Foto 31 (i) & (ii) :

Contoh penggunaan papan tanda yang seragam mengikut kelompok atau zon tapak warisan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

6.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi perletakan	<ul style="list-style-type: none"> i. Keutamaan pemasangan papan tanda/tanda nama hendaklah di kawasan tanda nama asal bangunan dan tidak dibenarkan menutup karekter seni bina bangunan. ii. Lokasi hendaklah tidak menutup cermin, tingkap dan fasad bangunan. iii. Papan tanda yang di pasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis. iv. Penyediaan papan tanda mengunjur hendaklah tidak melindungi pandangan atau menghalang laluan pejalan kaki. v. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, lokasi perletakan papan tanda/tanda nama hendaklah merujuk kepada Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat PBT.



Foto 32 :
Papan tanda syarikat dalam bentuk ukiran pada dinding.



Foto 33 :
Pemasangan papan tanda yang tidak menutup fasad bangunan.

6.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan

Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres dan sesbuah (tidak bernilai warisan). ii. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, kandungan dan visual paparan papan tanda hendaklah merujuk kepada Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat PBT.



Foto 34 :
Kandungan visual papan tanda yang jelas dan tidak mengelirukan bagi menerangkan jenis perniagaan yang dijalankan.



Foto 35 :
Jenis perniagaan yang dipaparkan jelas dan mudah difahami oleh orang awam.

6.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan

Bil.	Aspek	Garis Panduan
4.	Bahasa, Bahan Binaan, Pencahayaan dan Iklan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres dan sesebuah (tidak bernilai warisan). ii. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, garis panduan hendaklah merujuk kepada Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat PBT.



Foto 36: (i)



Foto 36: (ii)



Foto 36: (ii)

Foto 36 (i), (ii) & (iii) :
Contoh peletakan papan tanda di premis perniagaan bernilai warisan.

LAMPIRAN

Tafsiran papan tanda mengikut kepada undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang dikeluarkan oleh PBT berkaitan. Antaranya adalah:

Bil.	Undang-Undang Kecil	Tafsiran
1.	UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2007	Mentafsirkan papan tanda sebagai mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan, pertubuhan, jenis tred, perniagaan atau profesi yang dijalankan oleh orang, firma, pertubuhan atau perbadanan itu.
2.	UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN) MAJLIS DAERAH DUNGUN 1985	Mana-mana papan yang menunjukkan nama dan cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan jenis tred, perniagaan atau profesi yang dijalankan oleh orang, firma perbadanan atau pertubuhan itu dan yang dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat awam dan yang lekapkan atau dicat pada permukaan atau bidang hadapan jalan atau di dalam bangunan yang sebenar di mana tred, perniagaan atau profesi itu dijalankan.
3.	UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN) MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU 1990	Apa-apa pemberitahuan poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan samada berbentuk kekal atau sementara bertujuan untuk memberitahu kepada orang ramai mengenai apa-apa perkara di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk atas bumbung.

Terdapat juga papan tanda yang ditafsirkan oleh pihak berkuasa berkaitan. Antaranya adalah:

Bil	Aspek	Garis Panduan
1.	GARIS PANDUAN IKLAN 2012, WILAYAH PERSEKUTUAN OLEH KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR	Papan tanda perniagaan ialah iklan papan tanda premis yang dipasang secara tetap oleh syarikat atau peniaga di sesebuah premis perniagaan.
2.	GUIDELINES AND PROCEDURES - SIGNAGE GUIDELINES, URBAN REDEVELOPMENT AUTHORITY (URA), SINGAPORE	<p>Tanda perniagaan (business sign) mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none">• Identiti atau perihal tempat atau premis itu;• Identiti atau perihal mana-mana orang yang bermastautin atau menjalankan pekerjaan di tempat atau premis itu;• Butir-butir apa-apa perniagaan atau pekerjaan yang dijalankan di tempat atau premis itu, termasuk apa-apa logo atau simbol mengenai perniagaan atau pekerjaan. <p>Tanda iklan (advertisement sign) mengandungi :</p> <ul style="list-style-type: none">• Barang• Jenama produk• Perkhidmatan atau acara

RUJUKAN

1. Conversation Guidelines, Urban Redevelopment Authority, 2011.
2. Garis Panduan Iklan 2012, Wilayah Persekutuan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.
3. Guidelines and Procedures - Signage Guidelines, Urban Redevelopment Authority (URA), Singapore.
4. Guidelines for Signage – City of San Antonio Historic Design Guidelines, Office of Historic Preservation, 2012.
5. Guidelines for Signs, Sign Design on Landmark Structures and in Historic Districts, Denver Colorado.
6. Outdoor Advertisement and Signs : A Guide for Advertisers, Department of Communities and Local Government Eland House, 2007.
7. Supplementary Planning Guidance : Design Guidelines for Advertisement and Commercial Signage, South Ayrshire Council.
8. Undang-Undang Kecil (IKLAN) Majlis Daerah Dungun 1985.
9. Undang-Undang Kecil (IKLAN) Majlis Perbandaran Kota Bharu 1990.
10. Undang-Undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2007.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel: 03-2081 6000 Faks: 03-2094 1170
<http://www.townplan.gov.my>



PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur

ISBN 978-967-5456-58-9

9 789675 456589